

TERMA DAN SYARAT KADAR KEUTAMAAN CIMB PREFERRED

Terma dan Syarat Kadar Keutamaan CIMB Preferred ini (“**Terma dan Syarat**”) hendaklah dibaca dan ditafsirkan bersama dengan Terma dan Syarat CIMB Preferred.

Kelayakan untuk Kadar Keutamaan CIMB Preferred

1. Kadar Keutamaan CIMB Preferred (“**Kadar Keutamaan**”) ditawarkan kepada semua pelanggan CIMB Preferred yang baharu dan sedia ada (“**Pelanggan**”) CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank yang memenuhi syarat-syarat kelayakan dalam Klausa 3 di bawah.
2. Kadar Keutamaan diberikan kepada Pelanggan mengikut kategori peringkat Kadar Keutamaan CIMB Preferred mereka (“**Tingkat**”) yang dinyatakan dalam Jadual 1.
3. Pelanggan mesti memenuhi Syarat-syarat 1 dan 2 di bawah (dipermudah dalam Jadual 1) untuk layak mendapat Kadar Keutamaan dan Tingkat. Jika Pelanggan tidak memenuhi kedua-dua syarat, Tingkat tidak akan diberikan. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan mesti sudah pun memegang atau mempunyai AUM atau CUM yang sedia ada (kedua-dua istilah ditakrifkan selepas ini) di bawah Syarat 1 sebelum Kadar Keutamaan boleh diberikan.

Jadual 1: Syarat-syarat untuk Kadar Keutamaan

Tingkat	Syarat 1		Syarat 2 WM & Baki CASA/-i
	Syarat 1a AUM	Syarat 1b CUM	
<i>“Private Wealth”</i>	RM1 juta dan ke atas	RM3 juta dan ke atas	RM500,000 dan ke atas
Preferred	RM250,000 dan ke atas	Pinjaman / Pembiayaan Rumah /-i atau Pinjaman / Pembiayaan Premis Perniagaan /-i : RM1 juta dan ke atas Pembiayaan Automotif: RM300,000 dan ke atas	Tiada syarat

- a. Syarat 1 terdiri daripada Syarat 1(a) atau Syarat 1(b).
 - i. Syarat 1(a): AUM bermaksud Aset-aset Di Bawah Pengurusan dan ditakrifkan sebagai jumlah amaun:
 - (a) didepositkan dalam mana-mana akaun deposit Bank dan/ atau CIMB Islamic (“**Deposit**”) di bawah akaun tunggal atau bersama Pelanggan (untuk akaun bersama, Pelanggan mestilah merupakan pemegang akaun utama); dan/atau
 - (b) melabur dalam mana-mana produk pelaburan terpilih Bank dan/ atau CIMB Islamic (“**Pelaburan**”) di bawah akaun tunggal atau bersama Pelanggan (untuk akaun bersama, Pelanggan mestilah merupakan pemegang akaun utama)

- (c) membeli/menyertai produk Insurans Hayat terpilih CIMB Bank berdasarkan premium tahunan terkumpul tahun pertama dan/atau produk Takaful Keluarga CIMB Islamic berdasarkan sumbangan tahunan terkumpul tahun pertama (“**Bancassurance/Bancatakaful**”) di mana Pelanggan adalah pemilik polisi/sijil/ kontrak.

Bagi mengelakkan keraguan, jika Bancassurance/ Bancatakaful Pelanggan tidak lagi berkuat kuasa, semua premium tahunan terkumpul dan/atau sumbangan tahunan terkumpul terdahulu akan dikecualikan untuk tujuan AUM.

Produk Pelaburan dan Bancassurance/Bancatakaful yang terpilih boleh disemak di laman web Bank di www.cimbpreferred.com.my.

Jumlah Pelaburan + Bancassurance/ Bancatakaful secara kolektif akan dirujuk sebagai Pengurusan “*Wealth*” (“**WM**”).

- ii. Syarat 1(b): CUM bermaksud Kredit Di Bawah Pengurusan dan ditakrifkan sebagai jumlah baki tertunggak bagi semua produk pinjaman dan/atau pembiayaan yang diberikan kepada Pelanggan oleh CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic Bank. CUM merujuk kepada jumlah baki tertunggak Pelanggan pada akhir bulan sebelumnya. Untuk akaun bersama, hanya jumlah baki tertunggak pelanggan utama (yang mesti merupakan Pelanggan) akan diambil kira.

- b. Syarat 2 ialah jumlah teragregat **WM** dan baki Akaun Semasa/-i / Akaun Simpanan/-i (“**CASA/-i**”) (“**WM & Baki CASA/-i**”) yang dipegang oleh Pelanggan di CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank. WM & Baki CASA/-i dikira sebagai Jumlah WM + Jumlah CASA/-i berdasarkan purata baki akhir bulan bagi tempoh tiga (3) bulan terakhir Pelanggan.

4. Tingkat Pelanggan mungkin dinaik taraf oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank setiap bulan, atau bila-bila ditentukan oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank, tertakluk pada pemenuhan Syarat-syarat 1 dan 2 dalam Klausa 3. Jika Pelanggan gagal mengekalkan Syarat-syarat bagi Tingkat tertentu, Tingkat Pelanggan akan diturunkan taraf oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank setiap dua kali setahun, atau bila-bila ditentukan oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank dari semasa ke semasa.

5. Kakitangan CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank yang berkelayakan adalah layak untuk mendapat Kadar Keutamaan jika syarat-syarat dinyatakan dalam Klausa 3 dipenuhi.

Contoh Senario bagi kategori peringkatan Kadar Keutamaan CIMB Preferred

Bil.	AUM	CUM	WM & Baki CASA/-i	Kategori Peringkatan Kadar Keutamaan CIMB Preferred Pelanggan
1	RM1 juta	Tiada	RM500,000	“ <i>Private Wealth</i> ”
2	RM1 juta	Tiada	RM400,000	Preferred

3	RM250,000	Tiada	RM250,000	Preferred
4	RM100,000	Pinjaman / Pembiayaan Rumah /-i atau Pinjaman / Pembiayaan Premis Perniagaan /-i: RM1 juta	Tiada	Preferred
5	Tiada	Pinjaman / Pembiayaan Rumah /-i atau Pinjaman / Pembiayaan Premis Perniagaan /-i: RM500,000	Tiada	Tidak layak
6	RM200,000	Pembiayaan Automotif: RM100,000	Tiada	Tidak layak

- a. Dalam senario 1, Pelanggan layak mendapat Kadar Keutamaan dan diberikan Tingkat *'Private Wealth'*.
 - b. Dalam senario 2, Pelanggan layak mendapat Kadar Keutamaan dan diberikan Tingkat Preferred.
 - c. Dalam senario 3 dan 4, Pelanggan akan diberi Tingkat Preferred dan layak untuk Kadar Keutamaan bagi produk baharu yang didaftarkan selepas Tingkat diberikan kepada Pelanggan (produk(-produk) sedia ada yang telah didaftarkan sebelum Tingkat diberikan kepada Pelanggan tidak akan layak untuk Kadar Keutamaan) dengan CIMB Bank atau CIMB Islamic Bank mengikut klausa 6 di bawah.
 - d. Dalam senario 5 dan 6, Pelanggan tidak layak mendapat apa-apa Tingkat
6. Berikut boleh menyebabkan produk(-produk) Deposit, pinjaman/pembiayaan, Pelaburan atau Bancassurance/Bancatakaful hilang kelayakan daripada pengiraan baki untuk menentukan AUM/CUM/WM & Baki CASA/-i Pelanggan menurut Klausa 3, sebelum dan selepas Tingkat diberikan kepada Pelanggan:
- (a) Akaun Deposit, pinjaman/pembiayaan atau produk(-produk) Pelaburan Pelanggan dengan CIMB Bank/CIMB Islamic:
 - i. tidak berada dalam kedudukan yang baik; atau
 - ii. disyaki oleh CIMB Bank/CIMB Islamic untuk digunakan untuk sebarang komplot penipuan; atau
 - iii. pada pendapat CIMB Bank/CIMB Islamic telah dijalankan dengan tidak memuaskan; atau
 - (b) nama Pelanggan muncul dalam sebarang makluman atau amaran yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan, atau pihak berkuasa tempatan atau antarabangsa yang lain; atau
 - (c) CIMB Bank/CIMB Islamic berpendapat yang munasabah bahawa sebarang maklumat/dokumen yang diberikan kepada CIMB Bank/CIMB Islamic adalah palsu dan/atau tidak betul dan/atau diusik dan/atau terdapat salah nyata identiti; atau
 - (d) apabila Pelanggan meninggal dunia atau ketidakupayaan mental atau jika Pelanggan melakukan tindakan kebangkrapan; atau
 - (e) Pelanggan melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini; atau

- (f) Pelanggan melanggar mana-mana terma dan syarat yang mengawal akaun(-akaun) Deposit, pinjaman/pembiayaan atau produk(-produk) Pelaburan dengan Bank/CIMB Islamic; atau
- (g) Bancassurance/Bancatakaful Pelanggan tidak lagi berkuat kuasa dan/atau Pelanggan melanggar mana-mana terma dan syarat yang mengawal Bancassurance/Bancatakaful; atau
- (h) jika terdapat sebarang perubahan dalam undang-undang atau peraturan yang menjadikannya mustahil atau menyalahi undang-undang untuk CIMB Bank /CIMB Islamic meneruskan Tingkat Pelanggan.

Terma dan Syarat Lain mengenai Kadar Keutamaan

- 7. Kadar Keutamaan untuk pelbagai produk dipaparkan pada laman web CIMB Preferred pada pautan <https://www.cimbpreferred.com.my>. Kadar Keutamaan hanya akan diberikan untuk produk baharu dan bukan untuk apa-apa produk sedia ada yang dipegang oleh Pelanggan.
- 8. Terdapat terma dan syarat khusus untuk produk seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 1 di bawah, yang hendaklah dibaca dan ditakrifkan bersama dengan terma dan syarat lengkap produk masing-masing. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara kedua-duanya, terma dan syarat lengkap produk akan digunakan.
- 9. Pelanggan berhak memohon Kadar Keutamaan untuk seberapa banyak produk tanpa had maksimum melainkan jika dinyatakan sebaliknya. Walau bagaimanapun, permohonan Pelanggan untuk mana-mana produk pinjaman atau pembiayaan masih tertakluk pada kelulusan kredit CIMB Bank atau CIMB Islamic Bank dan peraturan Margin Pembiayaan (MOF).
- 10. Kadar Keutamaan tidak tersedia untuk permohonan dalam talian.
- 11. Kadar Keutamaan diberikan dengan sendirinya dan tidak terpakai dengan mana-mana kempen, diskaun, rebat atau tawaran lain melainkan jika dinyatakan sebaliknya secara khusus.

Terma dan Syarat Am

- 12. Pelanggan bersetuju bahawa dengan memohon Kadar Keutamaan, mereka:
 - (a) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini;
 - (b) bersetuju dengan pemprosesan dan penzahiran data peribadi mereka oleh CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB pada pautan www.cimb.com.my;

- (c) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara adil dan munasabah oleh CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank berhubung dengan setiap aspek Kadar Keutamaan adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - (d) bersetuju bahawa CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap Pelanggan jika CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana obligasinya dalam Terma dan Syarat ini yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung dengan:
 - (i) kegagalan apa-apa peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian perindustrian, peperangan, mogok atau rusuhan;
 - (iv) apa-apa bencana alam di luar kawalan CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank; atau
 - (v) apa-apa faktor yang bersifat force majeure di luar kawalan munasabah CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank.
13. CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memotong atau meminda Terma dan Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberikan notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan melalui:
- (i) pengumuman pada laman web CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank; atau
 - (ii) notis di cawangan CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank; atau
 - (iii) apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank.
- Untuk mengelakkan keraguan, CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan, sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada apa-apa Pindaan.
14. Pindaan hendaklah disifatkan sebagai mengikat Pelanggan dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain seperti yang ditentukan oleh CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank dalam pemberitahuan itu.
15. Pelanggan mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB Preferred pada waktu selang yang tetap untuk melihat Terma dan Syarat ini dan untuk memastikan bahawa mereka mendapat maklumat kemas kini mengenai apa-apa perubahan kepada Terma dan Syarat ini.
16. Terma dan Syarat ini, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa, hendaklah mengatasi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kadar Keutamaan.
17. CIMB Bank/CIMB Islamic Bank mempunyai hak untuk menambah produk atau mengubah Kadar Keutamaan dengan segera apabila notis diberikan oleh CIMB Bank/CIMB Islamic Bank.

18. CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan atau mana-mana pihak terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:

(a) permohonan Pelanggan untuk apa-apa Kadar Keutamaan; dan/atau

(b) sebarang komunikasi yang berkaitan dengan Kadar Keutamaan yang tidak diterima atau diterima lewat oleh Pelanggan;

melainkan jika kerugian atau ganti rugi tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank.

19. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan semasa yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB Bank / CIMB Islamic Bank.

20. (a) Pelanggan boleh menghubungi Unit Penyelesaian Pelanggan CIMB Bank / CIMB Islamic Bank untuk apa-apa maklum balas dan/atau aduan berhubung dengan Kadar Keutamaan melalui surat, panggilan telefon atau e-mel dengan menggunakan maklumat perhubungan berikut:

Alamat: Peti Surat 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 W.P.

Pusat Panggilan Preferred: +1 300 885 300 (tempatan) atau +603 2295 6888 (luar negara)

E-mel: cru@cimb.com

(b) CIMB Bank / CIMB Islamic Bank boleh mengubah butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Pelanggan melalui pengumuman di laman web CIMB Bank / CIMB Islamic Bank atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank.

21. CIMB Bank / CIMB Islamic Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa permohonan produk atau surat-menyurat berkenaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tersilap serah, tertangguh, tidak dapat dibaca, rosak atau salah ditujukan sama ada disebabkan oleh kesilapan, ketinggalan, perubahan, gangguan, pemadaman, kecurian, kemusnahan atau sebaliknya melainkan yang sama diakibatkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB Bank / CIMB Islamic Bank.

22. Berkenaan dengan produk pembiayaan Islamic, Pelanggan hendaklah mengarah apa-apa pertanyaan, maklum balas, kluatir, isu atau aduan berkenaan dengan produk kepada CIMB Islamic Bank. CIMB Islamic Bank sebagai penyedia produk akan melayan apa-apa perkara berkenaan dengan produk.

23. CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank akan menyemak Tingkat Pelanggan secara berkala dan berhak untuk menamatkan Tingkat Pelanggan pada bila-bila masa.
24. Penamatan Tingkat dan semua manfaat dan keistimewaan yang diberikan kepada Pelanggan juga boleh disebabkan oleh perkara berikut:
- (a) akaun deposit Pelanggan, pinjaman/pembiayaan dan produk pelaburan dengan CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank:
 - (i) tidak berada dalam kedudukan yang baik; atau
 - (ii) disyaki oleh CIMB Bank/CIMB Islamic Bank untuk digunakan untuk sebarang komplot penipuan; atau
 - (iii) pada pendapat CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank telah dijalankan dengan tidak memuaskan; atau
 - (b) nama Pelanggan muncul dalam sebarang makluman atau amaran yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan, atau pihak berkuasa tempatan atau antarabangsa yang lain; atau
 - (c) CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank berpendapat yang munasabah bahawa sebarang maklumat/ dokumen yang diberikan kepada CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank adalah palsu dan/atau tidak betul dan/atau diubah dan/atau terdapat salah nyata identiti; atau
 - (d) Pelanggan memberikan notis bertulis kepada CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank untuk menamatkan Tingkat; atau
 - (e) apabila Pelanggan meninggal dunia atau ketidakupayaan mental atau jika Pelanggan melakukan tindakan kebangkrapan; atau
 - (f) Pelanggan melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini; atau
 - (g) Pelanggan melanggar mana-mana terma dan syarat yang mengawal akaun(-akaun), pinjaman/pembiayaan, produk pelaburan atau Bancassurance/ Bancatakaful dengan CIMB Bank/CIMB Islamic Bank; atau
 - (h) jika terdapat sebarang perubahan dalam undang-undang atau peraturan yang menjadikannya mustahil atau menyalahi undang-undang untuk CIMB Bank /CIMB Islamic Bank meneruskan Tingkat Pelanggan.

LAMPIRAN 1: Terma & Syarat Khusus Produk

a) Pinjaman Rumah/ Pembiayaan Rumah

- Terpakai untuk kedua-dua pakej pembiayaan konvensional dan Islam: Pinjaman Rumah / Pembiayaan Rumah, Home Flexi / Flexi Home Financing-i, HomeFlexi Smart/ HomeFlexi Smart-i dan semua pakej yang ditawarkan di bawah pinjaman / pembiayaan kediaman.
- 10bps (0.10%) tambahan untuk Pinjaman Home Flexi Konvensional.
- Terpakai untuk semua jenis harta kediaman yang siap atau sedang dibina, jenis hartanah ("*landed*") dan juga harta strata/tanpa tanah ("*non-landed*").
- Terpakai untuk pembiayaan semula daripada institusi kewangan lain.
- Tidak terpakai untuk pembiayaan semula pinjaman dan/atau pembiayaan CIMB
- Untuk pelanggan bersama, mana-mana satu daripada pelanggan bersama mesti layak mendapat Kadar Keutamaan. Jika pelanggan bersama tergolong dalam Tingkat yang berbeza, Tingkat tertinggi akan digunakan.
- Peraturan Margin Pembiayaan (MOF) semasa hendaklah terpakai.
- Amaun pinjaman/pembiayaan minimum ialah RM300,000 untuk Tingkat Preferred.
- Tiada amaun pinjaman/pembiayaan minimum untuk Tingkat "*Private Wealth*").
- Tidak meliputi pakej Kos Bergerak Sifar (ZMC).

b) Pinjaman Premis Perniagaan/ Pembiayaan Premis Perniagaan

- Terpakai untuk kedua-dua pakej pembiayaan konvensional dan Islam: Pinjaman Premis Perniagaan / Pinjaman Berjangka Pembiayaan Premis Perniagaan, Pembiayaan Bertempoh-i, BizFlexi Smart/-i & BizFlexi/-i
- 10bps (0.10%) tambahan untuk Pinjaman BizFlexi Konvensional.
- Terpakai untuk semua jenis hartanah komersial & perindustrian yang siap atau sedang dibina, iaitu lot kedai, gudang, kilang & perindustrian (tidak termasuk SOVO, SOLO & hartanah yang serupa dengannya).
- Tidak terpakai untuk pembiayaan semula termasuk pinjaman/pembiayaan daripada CIMB Bank / CIMB Islamic Bank.
- Untuk pelanggan bersama, mana-mana satu daripada pelanggan bersama mesti layak mendapat Kadar Keutamaan. Jika kedua-dua pelanggan bersama tergolong dalam Tingkat yang berbeza, Tingkat tertinggi akan digunakan.
- Peraturan Margin Pembiayaan (MOF) semasa hendaklah terpakai.
- Amaun pinjaman/pembiayaan minimum bagi setiap permohonan ialah RM250,000 dan amaun pinjaman/pembiayaan maksimum bagi setiap permohonan ialah RM3.0 juta.
- Tidak meliputi pakej Kos Bergerak Sifar (ZMC).

c) Pembiayaan Automotif

- Termasuk kedua-dua Konvensional dan Islamic (Kadar Boleh Ubah sahaja).
- Kenderaan asing terpakai dibenarkan dengan syarat umur kenderaan tersebut adalah sehingga sembilan (9) tahun sahaja.
- Kenderaan dibaik pulih tidak berdaftar dibenarkan dengan syarat umur kenderaan adalah sehingga lima (5) tahun sahaja.

- Jumlah umur kenderaan dan tempoh pembiayaan mestilah tidak melebihi lima belas (15) tahun.
- Permohonan minimum sebanyak RM20,000.
- Tempoh pinjaman/pembiayaan dari tiga (3) tahun sehingga sembilan (9) tahun.
- Kadar Berkesan berdasarkan Kadar Pinjaman Asas (BLR) / Kadar Pembiayaan Asas (BFR) +/- tebaran.

d) Kemudahan Pembiayaan “Wealth” / Overdraf

- Untuk pemohon bersama, mana-mana satu daripada pemohon bersama mesti layak mendapat Kadar Keutamaan. Jika kedua-dua pemohon akaun bersama tergolong dalam Tingkat yang berbeza, Tingkat tertinggi akan digunapakai.
- Peraturan Margin Pembiayaan (MOF) semasa hendaklah terpakai.
- Fi komitmen diketepikan.

e) Pembiayaan Peribadi

- Terpakai untuk Pinjaman Peribadi Cash Plus konvensional sahaja.
- Tidak terpakai untuk pembiayaan semula Pinjaman Peribadi Cash Plus sedia ada Pelanggan dengan CIMB Bank.

f) Bancassurance/Bancatakal

- Senarai produk Bancassurance/Bancatakal penyertaan dipaparkan pada laman web CIMB Preferred (“Produk Penyertaan”). Rebat hanya terpakai untuk Produk Penyertaan.
- CIMB Bank / CIMB Islamic Bank hanya merupakan pengedar Produk Penyertaan yang ditaja jamin oleh *Sun Life Malaysia Assurance Berhad [No. Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)]* dan/atau diurus oleh *Sun Life Malaysia Takaful Berhad [No. Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)]* (secara kolektif, “**Sun Life Malaysia**”), yang masing-masing merupakan penanggung insurans dan pengendali takaful, dan yang kedua-duanya berdaftar dengan Bank Negara Malaysia.
- Produk Penyertaan dengan pilihan tambah nilai, tambah nilai biasa atau tambah nilai tunggal TIDAK akan dikira sebagai sebahagian daripada Premium Tahunan Tahun Pertama / Caruman Tahunan Tahun Pertama (“**FYAP/FYAC**”).
- Rebat Insurans Hayat/Takaful Keluarga (Premium/Caruman Biasa)
 - Rebat adalah berdasarkan FYAC/FYAP sahaja.
 - Hanya terpakai untuk kekerapan pembayaran premium/caruman tahunan.
 - Hanya terpakai untuk polisi/kontrak dengan tempoh pembayaran premium/caruman selama 20 tahun dan ke atas.
 - Amaun rebat akan dikreditkan dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja selepas tamatnya Tempoh *Free-Look*, dengan syarat bahawa polisi/kontrak masih berkuatkuasa pada waktu pembayaran rebat.
- Rebat Insurans Hayat/Takaful Keluarga (Premium/Caruman Tunggal)
 - Rebat atas Premium/Caruman Tunggal adalah berdasarkan kadar sama rata dan adalah tertakluk pada penempatan minimum seperti yang ditetapkan dalam jadual Kadar Keutamaan/penentuan harga pada laman web CIMB Preferred.

- (b) Amaun rebat akan dikreditkan dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja selepas tamatnya Tempoh *Free-Look*, dengan syarat bahawa polisi/kontrak masih berkuatkuasa pada waktu pembayaran rebat.
- (vi) Pemenuhan Rebat
 - (a) Pelanggan akan layak mendapat rebat jika mereka telah menyerahkan butiran CASA/-i CIMB yang sah dan aktif.
 - (b) Akaun CASA/-i mesti dipegang atas nama Pelanggan dan tidak boleh dipegang atas nama pihak ketiga.
 - (c) Butiran akaun mesti dinyatakan dalam Seksyen C borang cadangan/permohonan Sun Life Malaysia.
 - (d) Rebat tidak akan dibayar jika CASA/-i CIMB yang diperuntukkan dalam Seksyen C borang cadangan/permohonan Sun Life Malaysia adalah tidak aktif, dorman atau beku atas apa-apa sebab.
- (vii) Pelanggan boleh merupakan sama ada pemilik polisi/pemegang kontrak atau orang yang diinsuranskan/orang yang dilindungi di bawah polisi/kontrak.
- (viii) Jika Pelanggan menarik balik atau membatalkan Produk Penyertaan semasa peringkat permohonan, pemprosesan atau mana-mana peringkat lain pada atau sebelum Tempoh *Free-Look*, atau jika cadangan/permohonan Produk Penyertaan tidak berjaya disebabkan oleh apa-apa isu penajajaminan, Pelanggan tidak akan berhak mendapat rebat.
- (ix) “Tempoh *Free-Look*” ditakrifkan sebagai tempoh yang dalamnya pemilik polisi/pemegang kontrak diberi tempoh selama lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran polisi/kontrak untuk mengkaji semula kesesuaian pelan yang baru disertainya. Jika polisi/kontrak diserahkan balik dalam tempoh ini, premium/caruman penuh tolak perbelanjaan perubatan yang ditanggung, jika ada, akan dibayar balik kepada pemilik polisi/pemegang kontrak, dan rebat tidak akan dibayar.
- (x) Pelanggan dikehendaki supaya menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan permohonan Produk Penyertaannya, yang berasingan daripada Terma dan Syarat ini.
- (xi) Pelanggan adalah tertakluk pada penilaian kesesuaian yang dilakukan pada waktu penjualan sebelum Produk Penyertaan boleh disyorkan oleh wakil yang diberi kuasa.
- (xii) Produk Penyertaan bukan merupakan produk CIMB Bank / CIMB Islamic Bank, dan oleh itu:
 - (a) bukan merupakan obligasi, dan tidak dijamin oleh, CIMB Bank / CIMB Islamic Bank dan/atau mana-mana subsidiari dan anggota gabungannya;
 - (b) CIMB Bank / CIMB Islamic Bank tidak bertanggungjawab dan tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa perkara atau tuntutan yang timbul daripada Produk Penyertaan yang disediakan oleh penanggung insurans dan/atau pengendali takaful; dan
 - (c) penanggung insurans dan/atau pengendali takaful, sebagai penanggung insurans berlesen dan penaja jamin/pengurus Produk Penyertaan, hendaklah melaksanakan obligasi insurans/takaful dengan sepenuhnya.

g) Kiriman wang ke luar negara

- Hanya terpakai untuk Pemindahan Telegrafik ke Luar (*“Outward Telegraphic Transfer”*) (OTT) di cawangan CIMB Bank & CIMB Islamic dan *“Preferred Call Centre”* (PCC).
- Jumlah transaksi minima ialah RM10,000 setiap transaksi.
- Layak untuk semua mata wang yang ditawarkan oleh CIMB & CIMB Islamic melalui Pemindahan Telegrafik ke Luar (*“Outward Telegraphic Transfer”*) (OTT).